



PENGUMUMAN PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI KELANTAN

Maklumat Perjalanan bagi Pelajar IPTA dan IPTS yang Layak Menerima Perkhidmatan Pengangkutan Bas Pulang Menunaikan Tanggungjawab Sebagai Pemilih

1. Sukacita sebagaimana umum telah sedia maklum bahawa senarai pelajar IPTA dan IPTS yang layak menerima perkhidmatan pengangkutan bas pulang menunaikan tanggungjawab sebagai pemilih telah dihebahkan pada 30 Julai 2023 (Ahad) sebagaimana di lampiran A dan B.
2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan (PPNK SUK Kelantan) juga telah selesai menyusun maklumat perjalanan bas bagi **1,704 orang** pelajar IPTA dan IPTS **balik ke Kelantan** daripada 2,212 orang pelajar yang layak dan **1,400 orang** pelajar kembali ke **destinasi asal** daripada 1,452 orang pelajar yang layak sebagaimana di **lampiran A1 dan B1**.
3. Sehubungan dengan itu, pelajar-pelajar yang telah dinyatakan nama mereka di lampiran A1 dan B1 di atas bolehlah menghubungi talian *hotline* Syarikat Bas Ekspres yang telah ditentukan bagi tujuan pengambilan tiket bermula pada hari Rabu, 02 Ogos 2023. Sukacita disarankan kepada semua pelajar supaya berada di lokasi yang telah ditentukan 1 jam lebih awal dari masa bas bertolak bagi mengelakkan berlakunya kejadian ketinggalan bas kelak.
4. Penyusunan maklumat perjalanan bas bagi **baki 508 orang** pelajar **balik ke Kelantan** dan **52 orang** pelajar kembali ke **destinasi asal** masih dalam tindakan Persatuan Pengusaha Bas Ekspres Melayu Semenanjung Malaysia (PEMBAWA). Sehubungan dengan itu, pelajar yang namanya tiada dalam senarai di lampiran A1 dan B1 diminta untuk sentiasa menyemak pengumuman-pengumuman di laman sesawang rasmi Kerajaan Negeri Kelantan <https://www.kelantan.gov.my/> atau laman sesawang rasmi

Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan (PPNK SUK Kelantan)
<https://ppn.kelantan.gov.my>.

5. Pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan (PPNK SUK Kelantan) pada waktu pejabat di talian telefon 09-7481180.

Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan

Bertarikh pada 14 Muharram 1445H bersamaan 01 Ogos 2023 (Selasa)